

5 MAR 1996

Perancis-Nuklear

ISU UJIAN NUKLEAR PERANCIS TAMAT, KATA MENTERI LUAR CHARETTE

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Perancis hari ini berkata isu ujian nuklearnya di Pasifik Selatan tidak berbangkit lagi kini dan ia akan memujuk secara aktif kuasa nuklear yang lain untuk menghentikan aktiviti sedemikian.

"Isu itu merupakan satu perkara lepas dan soal itu kini sudah berakhir," kata Menteri Luar Perancis Herve de Charette pada satu persidangan berita pada akhir lawatan rasmi tiga harinya ke Malaysia. Beliau ke Pulau Pinang untuk lawatan singkat dan bertemu dengan Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon sebelum berlepas pulang lewat hari ini.

de Charette berkata beliau sedar mengenai kedudukan Malaysia dalam ujian nuklear itu tetapi perkara berkenaan tidak dibincangkan dalam pertemuannya dengan para pemimpin kerajaan di sini termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Soal itu kini telah berakhir, Perancis membuat keputusan untuk menghentikan sebarang ujian nuklear dan pada masa yang sama menutup pusat ujian nuklear kami (di Pasifik Selatan)," katanya.

Di sebalik bantahan kuat negara-negara di seluruh dunia termasuk Malaysia, Perancis meletupkan bom nuklearnya yang keenam di Pasifik Selatan pada 28 Jan, ujian yang ke-198 sejak menyertai kuasa nuklear. Pada 29 Jan Presiden Perancis Jacques Chirac mengumumkan penghentian ujian nuklear negaranya.

"Perancis juga telah mencadangkan apa yang dipanggil tiada pilihan pada perundingan Geneva (yang sedang berlangsung) mengenai isu nuklear, saya berharap semua kuasa nuklear akan menerimanya," katanya.

de Charrete berkata perundingan itu pastinya agak sukar tetapi kerajaan Perancis akan bersungguh-sungguh memastikan kejayaannya.

Adalah dilaporkan bahawa satu persidangan 38 negara sedang berunding syarta-syarat Perjanjian Larangan Menyeluruh Ujian (CTBT) di Geneva yang akan mengharamkan semua bentuk peletupan tetapi sesetengah negara telah meminta bagi pengecualian untuk beberapa ujian tertentu atau menolak terus langkah itu.

Menteri Perancis itu juga berkata bahawa negaranya berminat untuk menyertai Forum Serantau Asean (ARF) yang membincangkan antara lain langkah-langkah keselamatan.

"Sebagai anggota tetap Majlis Keselamatan (Bangsa-bangsa Bersatu) kami berminat untuk menyertainya dan ARF amat berfaedah dalam memelihara keselamatan di rantau ini," katanya. -- BERNAMA

MGM RON